

Tidak kritik kerajaan dan parti

Perwakilan puas

B.H 6 NOV 1993

hati

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kritikan perwakilan terhadap parti dan kerajaan sekarang berkurangan kerana mereka berpuas hati dengan kepemimpinan sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai contoh, Presiden Umno itu berkata, perwakilan perhimpunan agung kali ini tidak banyak mengkritik pemimpin parti dan kerajaan, sebaliknya menumpukan perhatian kepada soal lain seperti pembabitian negara di peringkat antarabangsa.

"Dalam perhimpunan agung lalu, mereka mempunyai banyak isu. Kali ini, nampak tidak banyak isu kerana pada pandangan mereka kita mencapai kejayaan dari segi kepemimpinan parti dan pentadbiran. Jadi tidak banyak isu mereka persoalkan.

"Mereka tidak kritikal terhadap kepemimpinan kerana mereka puas hati dengan pemimpin sekarang," katanya selepas perhimpunan hari ini ditangguhkan oleh Pengerusi Tetap persidangan, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, lewat petang ini.

Ditanya mengenai ucapan perwakilan semalam dan hari ini, Perdana Menteri berkata ia kurang menarik kerana mereka lebih tertumpu kepada keputusan pemilihan jawatan tertinggi parti yang diumumkan semalam.

"Ucapan perwakilan hari ini nampak kurang 'exciting' kerana mereka lebih menumpukan kepa-

da keputusan pemilihan dan kurang tumpuan masalah lain. Namun kita dapat mereka ambil berat amalan tidak sihat dalam parti," katanya.

Beliau juga mendapati perwakilan puas hati dengan keputusan pemilihan.

Mengenai ucapan perwakilan yang banyak menimbulkan masalah politik wang, Presiden Umno itu berkata: "Saya sedar mengenainya. Saya akan memberi jawapan esok."

Ditanya mengenai cadangan perwakilan untuk diadakan pertemuan di antara pemimpin sekarang dengan Ghafar Baba, Dr Mahathir berkata:

"Ini perkara biasa dalam parti. Kita selalu inginkan pertemuan di antara pemimpin sekarang dan yang lalu.

"Sebarang masalah dapat diselesaikan dengan baik mengikut masa. Kita tidak perlu terburu-buru dan kita akan menyelesaikan demi kebaikan bersama."

Menjawab soalan mengenai mengapa beliau lambat campur tangan dalam proses pemilihan kali ini, Presiden Umno berkata:

"Ini (campur tangan) payah sikit. Perkara itu sudah lepas dan sekarang kita (ahli Umno) fikir patut lebih awal. Saya percaya, apa juga yang saya buat ada alternatifnya dan tentu alternatif itu disebut dalam perbincangan.

"Kalau saya terlalu awalpun, mungkin ditegur supaya saya tunggu kemudian. Itu perkara biasa," katanya.